

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.1. Gunakan SATU borang untuk SATU tempahan nombor pendaftaran sahaja;
- 1.2. Menyatakan harga tempahan penuh dalam borang tidak kurang daripada harga tempahan minima mengikut kategori iaitu **Nombor Bernilai Utama (Golden Number) RM20,000.00, Nombor Menarik (Attractive Number) RM3,000.00, dan Nombor Popular (Popular Number) RM800.00, Nombor Semasa (Running Number) RM300.00**
- 1.3. Setiap permohonan hendaklah menggunakan sampul surat berselem/berdaftar dan ditulis dengan alamat surat-menyerut(pemohon) yang terkini bagi tujuan penghantaran surat jawapan. Tiada sebarang maklum balas akan dihantar sekiranya sampul surat berselem/berdaftar tidak dikepikan;
- 1.4. Bagi permohonan individu, borang hendaklah ditandatangani oleh pemohon sendiri. Bagi Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan /Koperasi / Badan Profesional / Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun / Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / Kedutaan / Pejabat Pesuruhjaya Tinggi / Pertubuhan Antarabangsa / Pejabat Serantau, borang hendaklah ditandatangani oleh pihak berkenaan berserta nama dan cop rasmi;
- 1.5. Tidak dibenarkan membuat sebarang pindaan atau pembetulan. Sila gunakan borang baru sekiranya terdapat kesilapan atau pindaan;
- 1.6. Sertakan Yuran Perkhidmatan sebanyak RM10.00 (atas nama petender) dalam bentuk Slip Bayaran Perkhidmatan bagi setiap permohonan (tidak dikembalikan). Yuran perkhidmatan boleh dibayar di mana-mana pejabat JPJ Negeri/ Cawangan yang melaksanakan aktiviti pendaftaran dan/atau pelesenan kenderaan dan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan;
- 1.7. Yuran perkhidmatan sebanyak RM10.00 hendaklah dijelaskan sebelum tempoh tempahan nombor pendaftaran ditutup.
- 1.8. Maklumat nombor kad pengenalan / nombor syarikat hendaklah sama di antara borang tempahan dengan slip perkhidmatan.

2. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 2.1. Borang Tempahan Nombor Pendaftaran Secara Tawaran (M.V. 10) boleh didapati di Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri / Cawangan atau Laman Web JPJ (www.jpj.gov.my);
- 2.2. Setiap satu borang hendaklah disertakan dengan satu salinan fotostat Kad Pengenalan/pasport/sijil kelahiran/resit pengenalan sementara yang masih berkuatkuasa/Kad Pengenalan Polis/Kad Pengenalan Tentera pemohon; atau Satu salinan fotostat Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D - nama syarikat, maklumat perniagaan dan maklumat pemilik) atau satu salinan fotostat Lesen Perniagaan (Sabah dan Sarawak sahaja); atau Satu salinan fotostat Borang 8/ Borang 9 / Borang 13; atau Satu salinan fotostat Sijil Pendaftaran Pertubuhan atau Koperasi atau Badan Profesional; atau Surat rasmi asal permohonan tempahan nombor pendaftaran (bagi Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun / Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / Kedutaan / Pejabat Pesuruhjaya Tinggi/ Pertubuhan Antarabangsa / Pejabat Serantau);
- 2.3. Setiap tempahan hendaklah **disertakan dengan bayaran penuh tempahan**. Sekiranya bayaran tempahan yang disertakan adalah kurang, maka permohonan adalah **TERBATAL** dengan sendirinya;
- 2.4. Draf Bank /Kiriman Wang (**tempoh sahlaku mesiliah tidak kurang dari tiga (3) bulan dari tarikh tender diiklankan**) yang merupakan bayaran penuh tempahan hendaklah dibuat atas nama **KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA (Bagi lain-lain Negeri) /AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-MOT-T (Bagi WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya). Wang tunai / wang pos/ cek persendirian tidak diterima.**
- 2.5. Slip bayaran yuran perkhidmatan RM10

3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 3.1. Borang Permohonan tempahan nombor pendaftaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tempahan yang disediakan di pejabat JPJ Negeri / Cawangan yang menawarkan nombor pendaftaran tersebut.
- 3.2. Borang permohonan boleh dihantar sendiri / Pos ke Pejabat JPJ Negeri / Cawangan. Walaubagaimanapun, bukti serahan atau pos bukan merupakan bukti penerimaan.

4. PENGUMUMAN KEPUTUSAN

- 4.1 Nama dan nombor identiti pengenalan diri pemohon yang berjaya akan dipamerkan pada hari keputusan tempahan nombor pendaftaran di pejabat JPJ Negeri / Cawangan yang berkenaan berserta nombor pendaftaran dan harga bidaan yang tertinggi.

5. SYARAT-SYARAT TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN

- 5.1 Bagi pemohon-pemohon yang tidak berjaya, bayaran tempahan akan dikembalikan secara pos. Walaubagaimanapun bukti serahan atau pos bukan merupakan bukti penerimaan pemohon;
- 5.2 Pemohon yang berjaya menempah nombor pendaftaran dikehendaki mendaftar nombor tersebut dalam tempoh **12 bulan** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.
- 5.3 Setiap pembida hanya layak ditawarkan **maksimum tiga (3) nombor pendaftaran bagi individu dan maksimum lima (5) nombor pendaftaran bagi syarikat**.
- 5.4 Nombor Pendaftaran hendaklah **didaftarkan atas nama pemohon yang berjaya sahaja**.
- 5.5 Nombor pendaftaran yang sudah dibayar tetapi gagal didaftar dalam tempoh yang ditetapkan akan ditarik balik tanpa sebarang notis dan sebarang bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil Kerajaan.
- 5.6 Penangguhan pembayaran dan pendaftaran nombor pendaftaran yang telah ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.
- 5.7 Pengurangan harga tempahan bagi nombor pendaftaran yang telah ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.
- 5.8 Permohonan yang tidak lengkap, lewat dan tidak mematuhi syarat-syarat akan **DITOLAK serta-merta**.
- 5.9 **Jabatan ini adalah tidak terikat untuk menerima atau meluluskan mana-mana tempahan tertinggi atau mana-mana permohonan tempahan. Keputusan Jawatankuasa Penilai Tempahan Nombor Pendaftaran adalah muktamad.**

* Maklumat lanjut berkenaan kategori nombor boleh dilihat di paparan di JPJ Negeri/ portal JPJ